



Tenaga Hijau Untuk Bawa Telefon Mudah Alih kepada Berbilion Orang

STOCKHOLM, xxxx /PRNewswire-AsiaNet/ --

Menjelang 2013, Ericsson (NASDAQ:ERIC), penyedia terkemuka dunia untuk peralatan dan perkhidmatan telekomunikasi, menjangkakan akan terdapat 6.5 bilion pelanggan telefon mudah alih di dunia, berbanding 3.7 bilion hari ini. Lebih kurang 90 peratus pertumbuhan dijangka datang dari pasaran membangun di mana lebih separuh daripada populasi tinggal di luar tahap bandaraya. Bagi membina rangkaian-rangkaian mobil di kawasan luar bandar dengan ketiadaan grid tenaga atau yang boleh diharapkan bermakna cabaran tenaga mesti diselesaikan.

Untuk melihat Siaran Berita Multimedia, sila klik:
<http://www.prnewswire.com/mnr/ericsson/35990/>

Dengan telefon mudah alih menjangkau berbilion pelanggan baru, kawasan-kawasan di dunia yang belum pernah mendapat akses perkhidmatan komunikasi tidak lama lagi akan menjadi sebahagian daripada masyarakat berhubung. Mempunyai akses yang boleh diharapkan kepada bekalan tenaga yang kos efektif telah menjadi halangan untuk pengendali telekom yang mahu menawarkan perkhidmatan di luar pusat-pusat populasi utama. Membina grid elektrik bukan sahaja terhalang dari perspektif kos, malah selalu sukar oleh kerana kesukaran geografi dan alam sekitar.

Ericsson, yang mana teknologinya telahpun memberikan berbilion orang dengan telefon mudah alih, kini sedang memenuhi cabaran ini dengan kombinasi produk-produk efektif tenaga dan penekanan kepada pengoptimuman tenaga rangkaian. Ini menyokong pengendali telekom untuk membangunkan dan menyampaikan perkhidmatan komunikasi yang mampu dimiliki dan berkekalan kepada pasaran membangun dalam satu cara yang menjadikan perniagaan menguntungkan kepada para pengendali.

Tenaga angin merupakan satu contoh sumber tenaga alternatif untuk menjanakan rangkaian mudah alih yang terletak di luar grid elektrik. Pada 2007, Ericsson melaksanakan biofuel sebagai sumber tenaga alternatif, dan pada 2000 Ericsson merupakan pengendali telekom pertama untuk membekalkan penyelesaian solar untuk menjana sebuah rangkaian mobil pengendali Maghribi.

"Berada di hadapan inovasi amat genting untuk Ericsson untuk kekal pada kedudukan di hadapan pasaran," kata Ulf Ewaldsson, Naib Presiden dan Ketua Produk Kawasan Radio di Ericsson. "Pastinya saya bangga untuk menjadi sebahagian daripada sebuah syarikat yang berada di belakang teknologi seperti Bluetooth, meletakkan piawai untuk teknologi mobil GSM yang

digunakan oleh separuh daripada penduduk dunia untuk membuat panggilan, serta juga mengetuai pembangunan generasi ke-empat komunikasi mobil. Tetapi seseorang juga mesti berfikir bagaimana mengendalikan rangkaian mobil agar kita semua boleh mempunyai akses kepada perkhidmatan komunikasi, tidak kira sama ada anda tinggal di bandaraya maju atau di sebuah kampung terpencil dalam sebuah negara dengan infrastruktur miskin."

Dengan perbelanjaan berkaitan tenaga, termasuk kos untuk diesel boleh menjadi setinggi 50 peratus daripada kos keseluruhan operasi rangkaian di setengah-setengah pasaran, langkah seterusnya selepas meletak infrastruktur di tempatnya ialah dengan memastikan operasi yang kos efisien dari hari ke hari.

"Salah satu contoh apa yang telah dilakukan kami untuk menawarkan telefon mudah alih kepada berbilion orang yang tinggal di luar tahap bandaraya ialah pengenalan penyelesaian hibrid unik di mana kita boleh menggunakan bateri kapal selam yang boleh dicas semula berkali-kali untuk menjana rangkaian bergerak," kata Ewaldsso. "Penyelesaian ini menjimatkan kira-kira 10,000 liter diesel setiap kawasan radio setiap tahun, yang merupakan 40 hingga 50 peratus daripada diesel yang diperlukan. Ini menambah kepada kuantiti besar minyak yang boleh diijamatkan dalam sebuah rangkaian bergerak dengan beratus-ratus atau beribu-ribu kawasan radio yang dijana diesel."

Membangunkan penyelesaian hijau untuk membina dan menjana rangkaian mobil memegang kunci untuk mencapai berbilion orang yang tidak pernah mempunyai akses kepada perkhidmatan komunikasi. Dan faedah penyelesaian hijau berganda - bukan sahaja bermakna pengendali telekom boleh membina dan mengendali rangkaian bergerak yang kos efisien, alam sekitar juga menjadi pemenang kerana kurang minyak fosil yang diperlukan untuk mengendalikan rangkaian bergerak.

Nota kepada pengarang:

Foto-foto sumber tenaga alternatif boleh diperolehi di:
http://www.ericsson.com/ericsson/press/photos/alternative_energy.shtml

Kandungan multimedia piawai Ericsson juga terdapat di bilik penyiaran:
http://www.ericsson.com/broadcast_room

Ericsson merupakan penyedia terkemuka dunia teknologi dan perkhidmatan kepada pengendali telekom. Pemimpin pasaran dalam teknologi bergerak 2G dan 3G, Ericsson membekalkan perkhidmatan komunikasi dan menguruskan rangkaian-rangkaian yang memberi khidmat kepada lebih daripada 195 juta pelanggan. Portfolio syarikat mengandungi infrastruktur rangkaian bergerak dan tetap, dan penyelesaian jejalar lebar dan multimedia untuk pengendali, perusahaan dan pemaju. Usahasama Sony Ericsson memberikan para pelanggan dengan peralatan bergerak peribadi yang kaya dengan ciri-ciri.

Ericsson sedang memajukan visinya, 'komunikasi untuk semua' melalui inovasi, teknologi dan penyelesaian perniagaan berkekalan. Bekerja di 175

negara, lebih 70,000 pekerja menjana pendapatan USD 27.9 bilion (SEK 188 bilion) in 2007. Diasaskan pada 1876 dan beribu pejabat di Stockholm, Sweden, Ericsson disenaraikan pada Bursa OMX Nordic Stockholm dan NASDAQ.

Untuk maklumat lanjut, sila lawat <http://www.ericsson.com> atau <http://www.ericsson.mobi>.

SUMBER: Ericsson